

Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Siri Ceramah Global Khazanah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di Putrajaya, semalam

Membina hati dan minda bangsa

Rakyat mesti miliki rasa tanggungjawab martabatkan negara, pulihara keamanan

SAYA rasa berbesar hati untuk bersama saudara pada sesi keempat Siri Ceramah Global Khazanah. Inisiatif ini sesuatu yang istimewa dan kegembiraan kepada rakyat Malaysia, bagi membolehkan mereka mendengar buat kali pertama pandangan dan pengalaman tokoh global terkenal.

Saya percaya, ramai rakyat Malaysia untuk bersama saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Azman Mokhtar dan pasukannya yang menganjurkan program menarik ini. Saya berpendapat melalui program ini, ramai yang gembira untuk berkongsi pengalaman dan belajar.

Menghargai kepentingan belajar adalah penting dalam pembangunan kemampuan intelektual masyarakat dan dengan itu, saya amat berharap Khazanah akan meneruskan usaha ini pada masa akan datang.

Siri Ceramah Global dianjurkan sempena 50 tahun kemerdekaan negara dan sekali lagi menunjukkan sambutan penuh bermakna pada perayaan tahun ini.

Lima puluh tahun melakar sejarah dalam peta dunia, 50 tahun mencapai sosioekonomi yang sangat besar, 50 tahun menyatu padu dan mewarisi harapan 26 juta orang hari ini dalam sebuah negara milik mereka.

Ketika kita mengimbas kembali kemenangan yang dicapai hasil kerja keras, kita juga terus melangkah untuk maju. Tahun ini kita melihat pelancaran dua pertumbuhan koridor baru - Koridor Wilayah Ekonomi Utara dan Wilayah Pantai Timur, bersama Pembangunan Wilayah Iskandar yang dilancarkan pada 2006.



dilihat dilakukan.

Kedua, saya melihat penekanan terhadap tanggungjawab, khususnya sesama sendiri, sebagai nilai keperluan terhadap bangsa. Pada zaman kekayaan dan kestabilan secara relatif, kita kadang kala lupa ramai kumpulan di dalam negara ini - setiap orang mempunyai permintaannya sendiri, setiap mereka mempunyai kepekaan sendiri.

Perbezaan ini adalah sangat benar, namun kita tidak merendahkan maruah sehingga menyebabkan kacau-bilau. Mengapa? Sebab saya berpendapat, cukup bagi kita semua untuk tidak lupa, yang tahu dan ingat mengenai kerumitan yang kita hadapi.

Sesiapa yang tidak lupa, akan faham mengenai situasi permintaan seimbang, kesedaran, keupayaan, kebertanggungjawaban kepada semua, bukan yang sedikit. Pada saya, ciri ini menggambarkan rakyat Malaysia yang sebenar.

Rakyat Malaysia yang sebenar sedar siapa yang akan diprovokasikan untuk bertindak balas dan siapa yang sebenarnya sengsara akan kesannya. Disebabkan ini, rakyat Malaysia akan cuba berusaha keras untuk berubah.

Nilai tanggungjawab ini adalah penting pada hari ini seperti pada 1957 atau 1969. Jika kita berada di dalam masyarakat yang boleh hidup aman dengan kebebasan media, debat awam atau kebebasan bersuara, nilai dan beban tanggungjawab mesti sama dengan orang biasa, bukan semata-mata terletak pada mereka yang menguruskan negara.



BERKONGSI IDEA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengiringi Raja Muda Perak Raja Dr Nazrin Shah hadir pada majlis Ceramah Global Khazanah di Putrajaya, semalam.

“Ada kesepakatan untuk mempunyai keadilan kebudayaan. Setiap daripada kita masih kekal dengan identiti tersendiri, bersatu dan tidak disisihkan. Malaysia terbina atas landasan identiti setiap komuniti mesti dipelihara dan dilindungi, daripada membiarkan kebudayaan majoriti menysisihkan yang lain”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Ketiga-tiga koridor ini membentukkan usaha baru yang menumpukan kepada usaha bersepadu bagi mengembangkan kemajuan dan kemakmuran ke seluruh pelusuk Semenanjung Malaysia. Perancangan untuk Sabah dan Sarawak bakal menyusul tidak lama lagi.

Tahun 2007 memperlihatkan permulaan beberapa usaha besar dalam bidang yang berkepentingan tinggi. Pelan pembangunan pendidikan dan perancangan strategik untuk pengajian tinggi diumumkan dan dilaksanakan, dengan sasaran untuk melihat kelemahan dalam sistem yang ada dan berusaha ke arah penambahbaikan bagi jangka masa panjang.

Pasukan petugas khas atau Pemudah bagi membantu melicinkan perniagaan ditubuhkan dan sejak itu, ia berusaha keras mengurangkan kos menjalankan perniagaan di Malaysia. Gaji kakitangan awam dikaji semula untuk mengekalkan tenaga berpotensi dan skim kontrak bagi pegawai atasan diumumkan untuk memberi ganjaran berdasarkan prestasi.

Tahun 2007 memperlihatkan pencapaian tertinggi dalam perniagaan. Pasaran saham mencecah rekod tertinggi dengan modal pasaran mencecah angka satu trilion ringgit. Perniagaan barangan dan perkhidmatan pada peringkat antarabangsa juga melebihi satu trilion ringgit. Cukai keuntungan hartanah dimansuhkan bagi memacu kegiatan dalam pasaran hartanah. Dan, baru-baru ini syarikat perladangan terbesar di dunia tercipta. 2007 juga memperlihatkan angkasawan pertama Malaysia berjaya ke angkasa lepas selain banyak lagi pencapaian lain.

Tahun ini adalah tahun yang menakjubkan untuk Malaysia dan rakyatnya. Jadi sesuaiilah pada tahun ini kita menyambut empat individu yang memberi impak besar kepada dunia. Menerusi Siri Ceramah Glo-

persoalan akan berterusan menjangkau jangka hayat saya. Tetapi saya percaya sejarah 50 tahun kita akan memberi garis panduan. Sebagai seorang yang diberi peluang untuk menjadi Perdana Menteri, menjadi penjawat awam selama empat dekad, berkhidmat dengan lelaki dan wanita dalam sejarah Malaysia, saya melihat tiga nilai yang mendominasi 50 tahun kita sebagai satu bangsa. Ini adalah nilai yang akan terus membentuk bangsa sebaik kita memulakan perjalanan 50 tahun akan datang.

Terlebih dulu, saya melihat tumpuan terhadap keadilan, keadilan politik, keadilan ekonomi, keadilan kebudayaan.

Kita melihat keadilan politik dalam amalan perkongsian kuasa, di mana semua kaum utama diwakili dalam kerajaan menerusi formula perkongsian kerusi yang dibentuk oleh kerajaan Barisan Nasional. Semua kumpulan ada tempat pada meja mesyuarat – meja mesyuarat Kabinet.

Isu dan kebimbangan dikemuka dan dibincangkan – biasanya dilakukan secara tertutup untuk mencapai persetujuan sebulat suara, di mana tiada seorang (kaum) pun dipinggirkan oleh majoriti, dan hak setiap kumpulan dilindungi.

Ada kesepakatan untuk mempunyai keadilan kebudayaan. Setiap daripada kita masih kekal dengan identiti tersendiri, bersatu dan tidak disisihkan. Malaysia terbina atas landasan identiti setiap komuniti mesti dipelihara dan dilindungi, daripada

negara. Jika pilihannya antara keselamatan awam dan kebebasan awam, saya tidak teragak-agak untuk memberitahu di sini bahawa keselamatan awam akan selalu menang. Saya tidak akan mengorbankan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat umum khususnya ketika polis berhadapan dengan tentangan yang dirancang atau berniat melakukan keganasan. Kita tidak boleh sekali-kali mengambil ringan atau sambil lewa mengenai keamanan. Kita mesti terus bertanggunjawab terhadap satu sama lain.

Nilai ketiga yang saya lihat menjadi panduan terhadap usaha kita selama ini khususnya ketika hari paling malang, ialah kepercayaan terhadap diri sendiri. Kebanyakan doktrin dan ukuran yang diambil adalah bertentangan dengan pendapat popular, daripada DEB pada 1970 hingga kepada kawalan modal ketika krisis kewangan Asia. Kita melalui kritikan hebat dan keraguan, dan keyakinan terhadap diri sendiri akhirnya berbaloi.

Di pentas antarabangsa, kita sentiasa melakukan lebih daripada kemampuan – daripada bersuara untuk negara sedang membangun kepada penganjuran acara bertaraf antarabangsa, mempengerusikan sidang perkumpulan antarabangsa. Jauh di lubuk hati, kita tahu 'Malaysia Boleh'. Kita tahu kita mempunyai banyak untuk ditawarkan di sebalik usia muda dan saiz kita. Kita tahu kita lebih mampu untuk memimpin.

Untuk kita dan anak-anak kita, perasaan percaya pada diri sendiri penting ketika kita melangkah untuk bersaing dengan lebih hebat dalam keadaan perubahan ekonomi global dan harga komoditi yang tinggi. Keperluan untuk hidup dan berjaya berlaku sepanjang masa, tetapi sekarang perubahan itu berlaku dengan lebih cepat.

bal Khazanah, kita bertemu bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kofi Annan; Pengasas Bank Grameen, Muhammad Yunus dan tokoh ekonomi serta pengarang terkenal, Joseph Stiglitz.

Kita juga menerima kehadiran tokoh yang tidak asing lagi bagi Malaysia, Jeffrey Sach tetapi kedatangannya tahun ini lebih bermakna apabila beliau menjadi penerima pertama Kerusi Profesor Diraja Ungku Aziz dan Pusat Pengajian Kemiskinan dan Pembangunan di Universiti Malaya.

Personaliti hebat ini memberi bayangan mengenai diri mereka, bukan sebagai pakar atau orang bijaksana tetapi sebagai manusia biasa yang mengambil berat terhadap dunia. Mereka menunjukkan kepada kita apa yang mungkin boleh dicapai apabila ada minat, kepintaran dan kesungguhan. Mereka menunjukkan kepada kita betapa perbezaan yang boleh kita lakukan, jika kita percaya pada idea kita dan melaksanakannya.

Melalui ilmu pengetahuan dan pengalaman mereka, ia adalah sesuatu yang menggembirakan apabila mendengar penghargaan mereka terhadap negara kita. Dalam ucapan demi ucapan, Malaysia dilihat sebagai contoh sebenar kejayaan pembinaan negara – pelbagai etnik dan aman, rekod mengagumkan dalam usaha pembasmian kemiskinan, menggalakkan perpindahan sosial yang menghasilkan masyarakat kelas pertengahan, ekonomi terbuka yang berkembang subur.

Kita dilihat sebagai model yang boleh memberi sumbangan besar kepada dunia. Berulang kali kita diminta dan digesa untuk menyampaikan pengetahuan dan pengalaman supaya rakyat di negara membangun tahu bagaimana mengekalkan keamanan dan kemakmuran.

Ini bukan semata-mata untuk tunjuk baik atau budi bahasa. Setiap masa, Malaysia terus membuat kejutan dan memberi ilham kepada mereka yang aktif dalam pembangunan sosioekonomi dan pembasmian kemiskinan. Selepas peristiwa 9/11, pengiktirafan itu diperkukuhkan lagi berikutan majoriti rakyat Malaysia adalah Muslim.

Melihat lebih dekat penghujung tahun

yang memberi kesan manis ini, adalah lebih bermakna untuk bertanya soalan mengenai peranan Malaysia dalam dunia yang semakin maju. Persoalannya, apakah selepas ini untuk Malaysia.

Demi masa depan kita, kita perlu tekankan usaha untuk melaksanakan lima misi nasional. Kita patut terus memacu ekonomi ke arah sektor dan aktiviti bernilai tinggi. Kita perlu terus mempertingkatkan sistem pendidikan kita. Kita perlu terus mengurangkan ketidakseimbangan dalam pendapatan dan peluang. Kita perlu terus meningkatkan kualiti hidup dan terus memperbaiki keberkesanan serta prestasi institusi awam daripada perkhidmatan awam hingga kepada perundangan.

Jika kita terus komited dalam hal ini, kita akan terus berkembang kukuh pada mata dunia. Kita akan berjaya keluar daripada status pendapatan golongan pertengahan, kita akan mempunyai ekonomi berasaskan inovasi yang dinamik. Kita akan memiliki generasi akan datang yang berkemahiran dan berkemampuan, dan kita akan memiliki institusi awam yang kuat dan berintegriti.

Bagaimanapun, saya berpendapat masih ada lagi yang perlu kita miliki, bukan hanya untuk meningkat naik pada kaca mata dunia tetapi juga pada kaca mata kita sendiri. Kita tidak boleh fikir apa yang negara patut buat, tetapi bagaimana rupa bentuk negara yang patut kita lakukan.

Sesebuah negara tidak dinilai pada pencapaian tetapi dinilai berdasarkan pendiriannya. Mencari pendirian sebuah negara lebih sukar dan kompleks. Ia boleh memakan masa bertahun, mungkin beratus tahun sebelum nilai sebuah negara itu dapat dilihat. Amerika Syarikat mempunyai Perlembagaan melebihi 200 tahun yang menjanjikan rakyatnya suara tetapi hanya pada 1920 wanita diberi peluang mengundi. Hanya pada 1964 hak mengundi benar-benar dikuatkuasakan dan dilaksanakan untuk keturunan Afrika-Amerika.

Dalam kes negara muda Malaysia, hanya berusia 50 tahun, persoalan mengenai pendirian, nilai yang menghubungkan antara satu sama lain, masih dibentuk.

Ikhtiar untuk mencari jawapan kepada

membiarkan kebudayaan majoriti menyisihkan yang lain.

Kesannya, keadilan ekonomi mudah dilihat dan dibahaskan dengan hangat. Kita akui sejak lama dulu bahawa tanpa campur tangan khusus daripada kerajaan, ketidakseimbangan akan berterusan. Ketidakseimbangan meningkat berdasarkan perbezaan etnik.

Oleh itu, lahirilah Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menghapuskan identiti etnik berdasarkan kegiatan ekonomi. Usaha kita dalam hal ini kini dianggap sebagai berwasan dan berbandangan jauh, ketika jurang sosioekonomi di seluruh dunia semakin melebar sehingga mengancam keamanan dan kestabilan global.

Negara sehingga ini terus menumpukan kepada keadilan ekonomi, sebagai contoh, pendekatan terhadap pembangunan koridor, usaha untuk meluaskan pembangunan lebih konsisten di Lembah Klang dengan prinsip yang sama, iaitu membasmi kemiskinan dan menyediakan orang ramai peluang yang lebih baik untuk kehidupan mereka menerusi pekerjaan, perniagaan dan pendidikan. Usaha ini mesti dinikmati semua orang.

Usaha kita bagi mencapai keadilan ekonomi bukan tanpa pengajarannya. Sebagai contoh dalam melaksanakan program membasmi kemiskinan, tanpa mengira kaum, langkah perlu diambil mengikut tindakan bukan cakap semata-mata.

Tiada keluarga, walau apa pun kaum mereka, dibenarkan untuk hidup di bawah paras kemiskinan. Dan, dalam melaksanakan tindakan afirmatif ini, prinsip keadilan mesti dipegang. Saya tidak percaya ada mana-mana rakyat Malaysia menentang usaha membantu kumpulan yang tidak bernasib baik tetapi orang ramai ingin melihat peluang itu dilakukan dengan bekerja keras, bukan melalui jalan pintas atau mengupah orang.

Rakyat juga mahu melihat peluang diberi kepada mereka yang memerlukan. Bergerak ke hadapan, kita terus menokok tambah dasar ini dan kualiti keadilan mesti

Dengan tidak melakukan kesilapan, ia akan memberikan cabaran kepada kita semua. Kita tidak hanya perlu untuk menghadapi dan membiasakan diri, kita juga mesti berjaya menempuh perubahan yang kita hadapi itu. Tetapi dengan keyakinan dan keazaman, kita akan terus mengatasinya. Jika kita terus komited untuk memberi yang terbaik, kita akan mendapat sesuatu yang terbaik. Jika kita berpegang kepada keyakinan itu sehingga ke satu pawai yang cemerlang, ia akan berjaya.

Keadilan, tanggungjawab, percaya pada diri. Nilai ini wujud di dalam polisi dan pencapaian di negara ini sepanjang tempoh 50 tahun lalu dan saya percaya, dengan masa dan pengalaman, ia akan menggambarkan perwatakan kita sebagai rakyat negara ini. Inilah nilai yang menjamin perpaduan dan kemajuan yang berkekalan. Inilah nilai yang ingin kita mahukan untuk diri dan keluarga kita, bukan hanya sebagai warga negara tetapi juga sebagai manusia.

Sudah tentu, perkara ini masih jauh daripada penyelesaian. Persoalan yang perlu dicari ialah apakah pendirian yang perlu dilakukan untuk banyak generasi. Tetapi pada akhir analisis, kita akan bersetuju dengan satu perkara, bahawa kita sayangkan tanah air kita. Kita cintakan kepelbagaian dan keistimewaan ini. Ini adalah satu-satunya negara yang kita ada, satu-satunya tempat di mana kita dapat merasakan benar-benar di rumah kita dan kita mahu ia berjaya.

Oleh itu, marilah kita mulakan dengan keadilan, tanggungjawab dan rasa percaya pada diri sendiri. Marilah kita memahami dan menghargai makna nilai itu dan mula bersama-sama mengekalkannya. Setiap orang – pemimpin, parti politik, syarikat, badan bukan kerajaan (NGO), orang ramai pelbagai lapisan masyarakat..... marilah kita mula membina hati dan minda ketika kita memasuki 50 tahun akan datang sebagai satu negara.

Ini adalah projek jangka panjang untuk masa depan rakyat Malaysia yang kita doa untuk kejayaan, perlindungan dan keredaan Allah. Terima Kasih.